

Pencapaian ASTiF bantu tingkat keterlihatan UMS di peringkat nasional, antarabangsa

UB 08.06.2024 P.03

KOTA KINABALU: Pencapaian baik dalam pelbagai pertandingan oleh pelajar Akademi Seni dan Teknologi Kreatif (ASTiF) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menjadikannya penyumbang kepada keterlihatan UMS di peringkat nasional dan antarabangsa.

Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Kasim Hj. Mansor berkata, perkembangan ASTiF yang wujud lebih 20 tahun bermula dari Sekolah Pengajian Seni kepada gabungan fakulti dan akhirnya dikenali sebagai akademi memberikan pengalaman berguna.

Sehingga kini, ASTiF berjaya menghasilkan ramai graduan dan alumni yang berjaya dalam bidang masing-masing.

"ASTiF sebagai akademi berteraskan seni kreatif dan inovasi sentiasa menjadi pelengkap kepada aktiviti UMS khususnya persembahan hiburan.

"ASTiF juga terlibat dalam pertandingan seni di merata tempat, misalnya wakil ASTiF bertanding dalam World Championship in Performing Arts (WCOPA) 2024 di Los Angeles, Amerika Syarikat pada penghujung Jun ini.

"Justeru, akademi ini dilihat bukan sahaja sentiasa mengangkat citra UMS bahkan turut mengharumkan nama negeri Sabah khususnya dan negara Malaysia di persada



TERBAIK: Kasim melihat salah satu karya pelajar yang dipamerkan.

antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian sempena sesi Lawatan Cakna ASTiF anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMS di bangunan ASTiF, UMS.

Menerusi sesi lawatan itu, Kasim berkata prasarana sedia ada di ASTiF perlu dipertingkatkan kepenggunaannya bagi memastikan motivasi pensyarah dan pelajar untuk proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar.

Pada masa sama, beliau percaya dengan pengiktirafan diberikan kerajaan negeri menerusi pewujudan Kerusi Bajau Sama yang diselaraskan oleh ASTiF akan membolehkan program seni dari ASTiF turut sama membantu memartabatkan dan

memperkasakan adat budaya setempat.

"Sabah negeri yang sarat dengan khazanah budayanya dengan terdapat lebih 40 etnik yang mempunyai produk berteraskan citra masing-masing.

"UMS menerusi ASTiF adalah satu-satunya universiti awam di Sabah yang mempunyai tanggungjawab besar dalam menjaga dan memulihara khazanah ini," katanya.

Terdahulu, wakil MPP ASTiF, Mohammad Azmir Misnani selaku pengerusi penganjur berkata ia sebahagian tinjauan terhadap fasiliti di ASTiF.

Sempena lawatan itu turut diadakan pameran hasil karya penulisan buku pelajar

ASTiF dan hasil karya kreatif pelajar Teknologi Seni Visual, serta pratonton teater Munchausen.

"Selain itu, satu sesi khas Naib Canselor bersama enam pelajar ASTiF yang akan bertanding di WCOPA 2024 turut diadakan di Studio Mozart.

"Melalui sesi lawatan cakna Naib Canselor ini, harapan kami adalah agar usaha siswasiswi ASTiF untuk terus menempu nama dalam pelbagai aktiviti dan pertandingan akan mendapat sokongan," katanya.

Hadir sama Dekan ASTiF, Prof. Madya Dr. Zairul Anwar Md Dawam dan Pengarah Galeri Azman Hashim UMS, Prof. Madya Dr. Mohammad Pu'ad Bebit.